

SEWA TAPAK BAZAR RM500, JUAL BALIK RM30,000

KAUT UNTUNG ATAS ANGIN

■ Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membatalkan lesen bazar Ramadan yang dikeluarkan sekiranya mendapati ada peniaga mengalibabakan lesen mereka dengan menjualnya semula kepada pihak lain bagi mendapat untung mudah.

■ Persatuan penaja mendedahkan kepada *Sinar Harian* bahawa kegiatan tersebut sebenarnya sudah lama berlaku terutama melibatkan tapak di Lorong Masjid India yang dijual semula kepada pihak ketiga sehingga RM30,000 sedangkan sewa asal dikenakan DBKL cuma RM500.

■ Berbeza dengan DBKL yang memberi lesen secara terus kepada peniaga bermula tahun ini, tinjauan *Sinar Harian* di seluruh negara mendapati masih terdapat negeri yang menyerahkan bulat-bulat kepada pihak penganjur untuk menentukan kadar sewa tapak bazar Ramadan, sekali gus terdedah risiko sewa lebih tinggi selain berlaku kegiatan menjual lesen.

Anwar arah DBKL batal lesen peniaga jual tapak bazar Ramadan

PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan membatalkan lesen perniagaan bazar Ramadan yang dijual kepada pihak ketiga.

Tegas Anwar, penglibatan ejen selaku orang tengah yang mengambil komisen besar sudah berlarutan saban tahun.

"Apa masalahnya untuk beri lesen kepada orang berniaga tanpa melalui wakil (ejen)?" katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini pada Isnin.

Turut hadir, Ketua Setiausaha

Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Dr Zaliha Mustafa.

Jelas Anwar, situasi itu bukan hanya berlaku di DBKL malah hampir di semua kawasan seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang lain.

"Kalau persatuan ambil berpuluh ringgit untuk pengawasan dan kebersihan, itu saya faham.

"Tetapi dijual semula, maknanya penjawat awam terlibat itu tahu dan bersekongkol.

"Saudara harus faham, ini bukan sahaja berlaku di Kuala Lumpur, di hampir semua ibu kota di negara kita," katanya.

Menurut Perdana Menteri, situasi berkenaan harus dihentikan dengan langkah penguatkuasaan yang tegas perlu diambil oleh pihak berkenaan.

"Bayangkan orang hendak

berniaga pada Ramadan untuk mendapatkan hasil dan upah yang lebih tinggi serta persiapan Aidilfitri kepada keluarga," ujar beliau.

Menerusi ucapannya,

Anwar turut memuji langkah DBKL menurunkan harga tapak bazar Ramadan pada kadar yang lebih rendah.

"Terima kasih kerana kurangkan kadar. Tapi kena pastikan siapa dapat lesen, dia kerja (berniaga). Kalau pindahkan (jual lesen), batalkan segera," katanya.

Minggu lalu, Dr Zaliha memaklumkan DBKL akan menguruskan sepenuhnya hal berkaitan permohonan lesen perniagaan dan penyelenggaraan bazar Ramadan di ibu negara bermula tahun ini dengan kadar sewaan RM500 sebulan.

Langkah tersebut bagi memastikan penaja mendapat harga sewaan tapak berpatutan selain pengurusan lebih baik selepas terdapat rungutan mengenai kadar dikenakan bagi permohonan lesen perniagaan.

Dalam pada itu, Anwar turut menyentuh mengenai pengoperasian kedai haram dan ke-



Menjelang bulan puasa tiga minggu lagi, peniaga diingatkan tidak menjual lesen tapak bazar Ramadan kepada pihak lain.

hadiran pendatang asing tanpa izin yang membugar di kawasan perniagaan di ibu kota Kuala Lumpur.

Katanya, keadaan itu telah dibiarkan sejak sekian lama dan jika tindakan diambil, ia kelihatan seolah-olah suatu kegiatan yang besar.

"Kalau dibiarkan, keadaan itu menjadi bobrok sedemikian, puluhan tahun diizinkan.

"Jadi sebab itu saya ingin menggesa dan menyokong langkah diambil supaya tegas. Ikut peraturan dan bukan bertindak ganas atau zalim. Tidak," katanya.